

28 JUL 2000

GERAKAN GUNA MESYUARAT TERANGKAN TRAGEDI SAUK

ALOR SETAR, 28 Julai (Bernama) -- Parti Gerakan akan menggunakan mesyuarat perwakilan negeri yang berlangsung sepanjang bulan ini dan bulan depan bagi menerangkan mengenai insiden di Sauk.

Timbalan Presiden parti Datuk Kerk Choo Ting hari ini berkata, laporan-laporan akhbar mengenai insiden rampasan senjata tentera di Grik oleh kumpulan Al-Ma'unah itu dijadikan bahan penerangan kepada rakyat sehingga kertas putih dikeluarkan oleh kerajaan.

Penerangan mengenai insiden di Sauk itu adalah selaras dengan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin komponen Barisan Nasional tiga hari lalu, kata Kerk kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Gerakan Kedah di sini.

Sehingga kini, kempen penerangan itu telah diadakan semasa mesyuarat perwakilan di empat negeri, Kelantan, Kuala Lumpur, Perak dan Kedah.

Menurutnya, kempen penerangan itu juga akan dilaksanakan di peringkat bahagian dan cawangan parti.

Dalam tragedi itu, kumpulan penjenayah itu merompak lebih 100 senjata api dari dua buah kem tentera di Grik pada 2 Julai dan membunuh dua daripada empat tebusannya sebelum kesemua 27 penjenayah itu menyerah diri di Bukit Jenalik, Sauk, lima hari kemudian.

-- BERNAMA

ZA/jm mai